

### MENYEDIA SOKONGAN

Sokong anak pokok dengan pancang kayu untuk mengelakkan pokok tumbang.

### SUNGKUPAN

#### Di Ladang

Gunakan rumpul-rumpul kering atau pelepah kelapa sebagai sungkupan.

### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Gunakan rumpul-rumpul kering.

### MERUMPUT

Bersihkan batas daripada rumpai dengan menggunakan tanah, cangkul atau tajak, Bagi tanaman dalam pasu cabut rumpai untuk mengawalinya.

### MEMUNGUT HASIL

Cili api boleh dipetik 3-4 bulan selepas ditanam. Satu pokok boleh mengeluarkan sebanyak 500 gm buah cili api untuk tempoh selama 8-9 bulan

### KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT

Sembur racun serangga dan kulat jika perlu.

Penyakit	Kawalan
Bintik daun	Sembur racun kulat benomyl
Antraknos buah	Sembur racun kulat seperti mancozeb
Kutu daun	Sembur racun chlorpyrifos imidacloprid
Hamama merah	Sembur racun seperti dicofol atau malathion
Kerokot daun dan mozek daun	(a) Penyakit ini disebar oleh kutu daun. Oleh itu kawalan kutu daun adalah penting. (b) Buang dan bakar pokok yang berpenyakit.
Layu pokok (Layu Bakteria)	Tiada kawalan kimia yang berkesan. Buang dan bakar pokok yang berpenyakit. Tentukan saliran yang elok.

**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
Ara 7-17, Lot 4G-2, Presint 4, Wisma Tani,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62632 Putrajaya  
Tel : +603-8870 3000 Faks : +603-8870 3376  
Laman Web : <http://www.doa.gov.my>



## PANDUAN MENANAM

# CILI API

### MENYEDIA ANAK BENIH

Bagi tanaman di ladang, sediakan kotak semai  
berukuran 45 cm (18 inci) panjang, 22 cm (9 inci)  
lebar dan 10 cm (4 inci) tinggi. Isikan kotak  
semai dengan tanah campuran mengandungi  
3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput  
dan 1 bahagian pasir. Semai 5 gm biji benih ke  
dalam kotak semai secara barisan dan tutup  
benih dengan lapisan nipis tanah. Jarak tanaman  
ialah 5 cm (2 inci) antara baris dan 2 cm (1 inci )  
antara pokok. Siram dengan penyiram yang  
mempunyai semburan halus dua kali sehari.  
Kotak semai mesti dilindungi daripada cahaya  
matahari dan air hujan yang berlebihan. Ubah  
anak benih ke ladang 6 minggu selepas disemai.  
Sebelum diubah ke ladang, dedahkan anak benih  
kepada cahaya matahari selama 3 hingga 4 hari  
untuk mengeraskannya.

### PENANAMAN

#### Di Ladang

Anak benih yang berumur 6 minggu boleh  
diubah terus ke batas. Sebelum mencabut,  
basahkan kotak semai supaya anak benih senang  
digali. Kemudian, gali anak benih dengan segumpul  
tanah dan tanam terus ke batas. Jarak tanaman ialah  
100 cm (40 inci) antara pokok dan 150 cm (60 inci )  
antara baris

### PENANAMAN

#### Penyediaan Tanah




#### Di Ladang

15 hingga 22 cm (6-19 inci). Sediakan batas berukuran  
1.2 m (4 kaki) lebar dan 22 hingga 30 cm  
(9-12 inci) tinggi. Poniang batas mengikut keadaan  
kawasan. Jarak antara batas ialah 45cm (1.5 kaki).  
Gaulkan tahi ayam reput sebanyak 25 kg bagi 50 meter  
persegi (500 kaki persegi) kawasan.

### PENANAMAN

#### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Gunakan tanah campuran mengandungi  
3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput  
atau kompos dan 1 bahagian pasir. Isikan pasu  
dengan tanah campuran tersebut sehingga  
5 cm (2 inci) dari permukaan pasu.



### PENJAGAAN

#### Menyiram

Siram pokok pada awal pagi dan lewat petang  
setiap hari kecuali hari hujan.

#### Memboja

#### Di Ladang

Tabur baja NPK Blue Special (12:12:17:2)  
di keliling pokok dengan kadar 1 sudu besar atau  
10 gm sepokok setiap dua minggu.

#### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Tabur sebanyak 1 sudu teh atau 5 gm baja NPK  
Blue Special (12:12:17:2)  
sepasu di keliling pokok setiap minggu.